

RUGI KALAU MAHASISWA TIDAK PANDAI BERTUTUR BAHASA ARAB

Nur Ismafarah binti Suhaime, 1171184,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 14 April 2020



Walaupun bahasa Melayu telah dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan di negara ini, itu tidak bermakna bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Arab dipinggirkan begitu sahaja. Malah, bahasa Arab kini dilihat semakin penting peranannya di negara ini dan di peringkat global.

Kerajaan Malaysia turut menitikberatkan kemahiran menguasai bahasa Arab dalam kalangan rakyat. Komitmen ini dapat dilihat melalui proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Dr Fahed Maromar menjelaskan bahawa kemahiran bertutur adalah sangat penting untuk dikuasai oleh mahasiswa khususnya dalam bidang bahasa Arab.

Namun, sebahagian mahasiswa didapati masih lemah dalam menguasai aspek pertuturan bahasa Arab. Salah satu punca yang dikenal pasti adalah kegagalan mereka menghidupkan suasana bertutur Arab dalam kehidupan seharian.

Walaupun mahasiswa-mahasiswa terbabit telah mempelajari bahasa Arab sejak di bangku sekolah lagi, mereka lebih gemar menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi sesama sendiri.

Sikap sebegini adalah tidak wajar kerana mahasiswa tidak sewajarnya mengehadkan penggunaan bahasa Arab semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja. Sepatutnya mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Arab dalam urusan kehidupan seharian.

Salah satu cara yang boleh diamalkan adalah bertutur dalam bahasa Arab dengan rakan-rakan di kampus dan asrama. Tidak mengapa jika tidak fasih pada mulanya kerana lama-kelamaan mereka akan menjadi mahir.

Menurut pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Noor Anida Awang, ruang dan peluang pelajar bersama rakan-rakan tidak terhenti setakat di dalam kelas.

Malah, mereka akan sering bersama di mana-mana sahaja sehingga wujudnya keselesaan dalam kalangan mereka. Sebaik-baiknya, berdampinglah dengan rakan-rakan yang fasih bertutur dalam bahasa Arab.

Sebagai seorang pelajar jurusan Bahasa Arab, saya berpendapat bahawa mendampingi rakan yang mempunyai kelebihan dalam pertuturan adalah sangat membantu untuk meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur menggunakan bahasa tersebut.

Hal ini kerana, seorang mahasiswa akan berasa tercabar apabila sering mendengar rakannya petah bertutur dan secara tidak langsung mendorongnya untuk mula bercakap dalam bahasa Arab meskipun menggunakan kalimah-kalimah yang asas dan mudah.

Selain itu, mahasiswa perlu menerapkan pemikiran yang positif dalam diri masing-masing. Perkara ini ditekankan oleh Nadwah Daud dan Nadhilah Abdul dalam rencana bertajuk *Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua*.

Mereka menjelaskan bahawa mahasiswa boleh membina keyakinan diri dengan menghalakan pemikiran mereka ke arah yang lebih positif dan yakin dengan keupayaan diri sendiri untuk menguasai bahasa Arab.

Sejauh mana seseorang mahasiswa mampu bertutur dengan fasih dalam bahasa Arab adalah bergantung kepada kesungguhannya sendiri. Pensyarah boleh menunjukkan jalan namun terpulang kepada mereka untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari.

Bahasa Arab juga merupakan salah satu bahasa komunikasi yang penting di seluruh dunia. Penguasaan dalam pertuturan bahasa ini boleh membuka peluang kerjaya yang lebih luas bagi golongan mahasiswa selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

